



SIARAN AKHBAR

TINDAKAN PENGAWALAN PENYEBARAN COVID-19 DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

Sabtu, 7 Ogos 2021 bersamaan 27 Zulhijjah 1442 – Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin mengingatkan orang ramai berikutan dengan status terkini jangkitan COVID-19 untuk sentiasa mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan agar terus melaksanakan tanggungjawab membudayakan langkah-langkah pencegahan dalam menangani pencegahan penularan wabak COVID-19.

Bagi mengelakan perkumpulan ramai, penumpang-penumpang yang berangkat belayar melalui LTAB adalah dinasihatkan dan digalakan untuk menggunakan kaedah ‘drop-off’ atau sekurang-kurangnya dihantar oleh tidak melebihi dari dua (2) orang sahaja. Manakala bagi penumpang-penumpang yang tiba, orang ramai adalah tidak digalakan untuk menjemput ketibaan oleh kerana penumpang-penumpang berkenaan akan terus menjalani tempoh pengasingan.

Jabatan Penerbangan Awam akan terus meneruskan melaksanakan langkah-langkah dalam menangani pencegahan penularan wabak COVID-19 melalui usaha-usaha berikut: -

- Menggunakan peralatan pemeriksaan suhu badan di pintu-pintu masuk utama yang dikhaskan di bangunan terminal lapangan terbang bagi pemeriksaan suhu badan secara mandatori;
- Pemakaian sungkup muka adalah dimestikan didalam bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa;
- Penggunaan imbasan kod QR melalui aplikasi BruHealth di pintu-pintu masuk utama Dewan Bertolak dan Dewan Ketibaan. Pengguna-pengguna lapangan terbang adalah dikehendaki untuk terlebih dahulu mengemaskini status kesihatan masing-masing melalui aplikasi berkenaan serta memahami dan mematuhi persyaratan yang diperuntukan dengannya sebelum masuk dan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan di LTAB;
- Menyediakan kemudahan sungkup muka dan *hand sanitizer* di pintu-pintu masuk dan kaunter-kaunter perkhidmatan untuk kegunaan orang ramai;
- Restoran dan premis-premis makanan di Lapangan Terbang Antarabangsa akan hanya menyediakan makanan secara *take-away* atau *delivery* sahaja, dine-in adalah tidak dibenarkan; dan
- Surau Lapangan Terbang Antarabangsa adalah ditutup sementara.

Sehubungan ini, kerjasama orang ramai dan pengguna-pengguna lapangan terbang adalah sangat-sangat diharapkan dalam sama-sama mencegah berlakunya penularan wabak berkenaan.

Disediakan oleh:

Jabatan Penerbangan Awam

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Bandar Seri Begawan